



**MESRA:** Kasim mengabadikan kenangan bersama staf FPEP sempena majlis itu.

## Majlis Apresiasi FPEP UMS hargai komitmen kakitangan tingkat keterlihatan universiti

UB 12.01.2023 P.08

**KOTA KINABALU:** Majlis Apresiasi Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan wahana terbaik dalam memberi penghargaan kepada kakitangan yang bertungkus lumus ke arah meningkatkan keterlihatan fakulti serta universiti secara amnya.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, acara sedemikian juga medan terbaik dalam membentuk keharmonian kakitangan dan pihak pengurusan universiti.

“Dalam majlis ini saya dapat berbual dengan kakitangan di semua peringkat secara santai tanpa protokol yang sering menghalang saya untuk mengetahui lebih dekat latar belakang kakitangan bertugas di mana-mana fakulti atau Pusat di UMS.

“Di samping itu, majlis apresiasi boleh mencetus semangat untuk meningkatkan komitmen masing-masing untuk berusaha lebih sistematik pada masa hadapan untuk sama ada mengekalkan pencapaian tahun lalu atau bertekad lebih cemerlang di sepanjang tahun baharu ini,” katanya ketika menghadiri majlis tersebut di sebuah hotel di sini.

Tambah Kasim, penganjuran majlis sebegini juga perlu kerana pengurusan sumber manusia yang cekap menuntut keprihatinan organisasi terhadap segala komitmen kakitangan melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan cekap dan efektif.

Terdahulu, Dekan FPEP, Profesor Madya Dr. Mohd Rahimie Abd Karim menyampaikan penghargaan kepada Kasim atas kehadiran

beliau ke majlis tersebut walaupun mempunyai jadual yang padat.

Rahimie berkata majlis apresiasi tersebut turut memberi penghargaan kepada kakitangan akademik dan pentadbiran fakulti yang telah memberi perkhidmatan cemerlang dalam pelbagai kategori.

Seramai 105 kakitangan FPEP hadir pada majlis berkenaan dengan 161 anugerah disampaikan kepada 75 staf FPEP, merangkumi Anugerah Akademik, Anugerah Penghargaan Akademik, Anugerah Staf Bukan Akademik, Anugerah Hal Ehwal Pelajar dan Pascasiswazah, Anugerah Khas Dekan (Akademik), Anugerah Khas Dekan (Bukan Akademik), Anugerah Penyelidikan, Anugerah Industri dan Libatsama Masyarakat.